

Headline	Kebajikan pensyarah, staf AIU tak diabai		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	20	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	318 cm ²
Journalist	Zanariah Abd Mutalib	AdValue	RM 7,121
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,362



Kebajikan pensyarah, staf AIU tak diabai

» Pelajar bakal ditempatkan di institusi lain ekoran penutupan univervisti

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kementerian Pendidikan akan memastikan pelajar dan kakitangan Universiti Antarabangsa Al-Bukhary (AIU) di Alor Setar, Kedah ditempatkan di institusi pengajian lain, ekoran penutupan universiti berkenaan.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata pihaknya sudah pun menerima surat daripada AIU yang memaklumkan mengenai penutupan operasi universiti berkenaan.

Beliau berkata, penutupan universiti yang ditaja Yayasan Al-Bukhary itu dipercayai berikutan masalah dalaman, namun kementerian masih mengenal pasti punca sebenar masalah berkenaan.

“Kita sedang memantau dan memastikan kebajikan pelajar, pensyarah dan kakitangan lain AIU tidak diabaikan, selain hak mereka terjaga.

“Pelajar akan ditempatkan (di institusi pendidikan lain) mengikut kursus diambil supaya tidak tercicir dan jika (kursus yang diambil) tiada, mereka perlu membuat pilihan apakah kursus terbaik untuk mereka,” katanya selepas Majlis Penyerahan Dana Pendidikan UiTM di sini, semalam.

Kementerian bincang tentukan langkah susulan
Sebelum ini, media melaporkan AIU akan ditutup ekoran masalah dalaman yang diha-


dapi institusi itu dan ia menimbulkan kebimbangan lebih 600 pelajarnya terdiri daripada dalam dan luar negara.

Idris berkata, pegawai kementerian sedang mengadakan perbincangan lanjut dengan AIU untuk menentukan langkah susulan yang akan diambil.

Ditanya mengenai pengambilalihan bangunan dan infrastruktur AIU, Idris berkata perkara itu juga masih belum dipastikan.

AIU yang ditubuhkan pada 2010 menawarkan pengajian kepada golongan kurang berkemampuan dari seluruh dunia dan kos pembelajaran serta tempat tinggal pelajar ditanggung Yayasan Al-Bukhary.

Headline	Kebajikan pensyarah, staf AIU tak diabai		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	20	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	318 cm ²
Journalist	Zanariah Abd Mutalib	AdValue	RM 7,121
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,362



Idris menerima replika cek daripada Pengerusi Yayasan Pendidikan Cherd's (YPC), Datuk Wira Syed Ali Alhabshee Syed Abbas Alhabshee (kanan) pada **Majlis Penyerahan Dana Pendidikan UiTM** di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Presiden Persatuan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Zaini Hassan (kiri).
[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]